

## Naikkan harga topeng muka boleh dikenakan tindakan

Azrul Hakimie Anuer

18 September 2019 6:04 PM



**KUALA LUMPUR 18 Sept.** - Para peniaga yang didapati menaikkan harga topeng muka boleh dikenakan tindakan tegas mengikut peruntukan perundangan sedia ada.

Ini kerana topeng muka adalah barang harga terkawal yang mana harga maksimumnya telah ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, terdapat lima jenis topeng muka diletakkan di bawah akta berkenaan.

Selain itu, ujarnya, kementerian juga masih mempunyai kuasa mengambil tindakan terhadap sebarang kenaikan harga borong atau runcit secara tidak munasabah bagi topeng muka selain ditetapkan.

"Dari 12 hingga 18 September 2019, pegawai penguatkuasa kementerian telah memeriksa 1,115 premis perniagaan yang menjual topeng muka di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, tiga amaran telah dikeluarkan dan satu tindakan telah diambil dengan jumlah rampasan bernilai RM30 dan kompaun bernilai RM200 dikenakan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

## Infografik lima topeng muka harga kawalan

### (i) Topeng muka (pembedahan/perubatan)

1 lapisan (gelung telinga) - Harga Borong RM5 sekotak, Harga Runcit RM7 sekotak.

(ii) Topeng muka (pembedahan/perubatan) 2 lapisan (gelung telinga) - Harga borong RM8 sekotak, harga runcit RM10 sekotak dan 20 sen seunit

### (iii)Topeng muka (pembedahan/perubatan)

3 lapisan (gelung telinga/gelung kepala) -

Harga borong RM25 sekotak, harga runcit 80 sen seunit

### (iv)Topeng muka (pembedahan/ perubatan)

3 lapisan (ikatan pada kepala) - Harga

borong RM30 sekotak, harga runcit 80 sen seunit

(v)Topeng muka (pembedahan / perubatan) N95 - Harga borong RM100 sekotak, harga runcit RM6 seunit.  
- UTUSAN ONLINE

